

CNS4077

U GB 11-01 00148 BA186

aab

Mahathir - Pengangkutan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, perkhidmatan keretapi itu akan membawa penumpang dari pinggir bandar ke Kuala Lumpur sebelum mereka menyambung perjalanan masing-masing sama ada ke pejabat atau untuk ke destinasi tertentu di bandaraya ini dengan menggunakan perkhidmatan LRT.

Bagaimanapun, katanya, projek landasan berkembar itu tidak mungkin dapat disiapkan tahun ini kerana beberapa masalah terutama pemindahan setinggan dan pembinaan jejantas.

+Pemindahan setinggan sebenarnya menelan kos yang dua atau tiga kali ganda lebih tinggi daripada yang dijangkakan kerana kerajaan terpaksa menyediakan rumah untuk mereka,+ katanya.

Projek LRT pula, akan dimulakan tahun ini. Kontrak pembinaannya ditandatangani tahun lepas.

Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur sepatutnya sudah lama mempunyai sistem pengangkutan LRT tetapi kerajaan terpaksa menangguhkannya kerana tiada syarikat yang sanggup melaksanakan projek yang kosnya tinggi sedangkan tambang yang dibenarkan oleh kerajaan agak rendah. -- Lagi

▼11/01/12-17MST

CNS4085

U GB 11-01 00160 BA189

aab

Mahathir - Pengangkutan 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kajian kemungkinan yang dijalankan sebelum ini menunjukkan syarikat yang melaksanakan projek itu sudah pasti akan menanggung kerugian sekiranya tambang yang rendah dikenakan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan terpaksa juga meneruskan pembinaan projek itu kerana jika terus tertangguh, kosnya akan menjadi lebih tinggi, dan sekarangpun kos tersebut sudah meningkat lima kali ganda dari masa cadangan dibuat.

Ditanya sama ada tambang perkhidmatan LRT itu akan berada pada paras yang tinggi, beliau berkata, ia akan dianggap tinggi oleh pengguna tetapi pada hakikatnya tambang itu nanti masih rendah kerana kerajaan sudah memberikan subsidi kepada syarikat yang mengendalikannya.

Bagi perkhidmatan bas pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mencari jalan bagi menyatukan semua syarikat bas di bandaraya ini di bawah satu syarikat.

Menurut beliau, terlalu banyak syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan di bandaraya ini menyebabkan berlaku pertindihan laluan dan ini memburukkan lagi kesesakan lalulintas. -- Lagi

▼11/01/12-35MST

CNS4094

U GB 11-01 00158 BA190

aab

Mahathir - Pengangkutan 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kajian menunjukkan kebanyakan bas yang memasuki bandaraya ini ialah dari kawasan luar bandar.

+Sekiranya terlalu banyak bas dari kawasan luar bandar dibenar masuk ke bandaraya ini, kesesakan lalulintas akan berterusan dan sebab itu kerajaan terpaksa membenarkan hanya satu syarikat bas sahaja beroperasi di sini,+ katanya.

Bagi perkhidmatan monorel pula, beliau berkata, sistem itu akan berfungsi sebagai pengangkutan awam yang menyediakan perkhidmatan di sekeliling bandaraya ini sebagai sokongan kepada perkhidmatan LRT. Beliau tidak menyebut bila projek itu akan dimulakan.

Dr Mahathir juga berkata kadar tol di lebuhraya di negara ini yang dikenakan oleh Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) masih rendah jika dibandingkan dengan beberapa negara lain.

Sebagai contoh, kata beliau, Lebuhraya Baru Lembah Klang itu, yang mempunyai enam lorong seperti lebuhraya di Britain dan Amerika Syarikat, kadar tol ialah separuh daripada kadar di kedua-dua negara- itu. -- Lagi

▼11/01/12-56MST

CNS4100

U GB 11-01 00179 BA191

aab

Mahathir - Pengangkutan 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, kerajaan tidak boleh menyekat PLUS menaikkan kadar tol apabila keadaan memerlukan, kerana tol yang rendah akan menyebabkan syarikat itu rugi. Syarikat itu juga perlu membina atau menyenggara lebuhraya, kata beliau.

Terdahulu itu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, kerajaan boleh juga membiayai pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya dengan menaikkan cukai jalan dan harga petrol tetapi ia tidak berbuat demikian kerana itu tidak adil kepada mereka yang tidak menggunakan lebuhraya\*.

+Dengan mengadakan sistem tol yang dibayar semasa pemilik kenderaan menggunakannya sahaja, maka beban pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya dipikul hanya oleh mereka yang menggunakannya,+ kata beliau.

Pengguna lebuhraya yang dikenakan tol harus sedar bahawa bayaran yang dibuat ialah untuk kebaikan mereka dan negara.

+Terpulanglah kepada pengguna untuk membandingkan antara belanja petrol dan kos kerosakan kereta serta masa dan keselesaan daripada penggunaan jalan raya yang dikenakan tol,+ katanya.

Di samping itu, kata beliau, cukai yang dikutip daripada syarikat pengendali lebuhraya akan dipulangkan balik kepada masyarakat melalui pembiayaan kemudahan oleh kerajaan. -- Bernama

▼11/01/13-02MST